

08 SEP 1998

Pemuda-mesyuarat

PEMUDA UMNO SOKONG KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Enam belas anggota exco Pemuda Umno hari ini memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menolak gerakan reformasi yang dilaungkan oleh bekas timbalan presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Naib ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata lima lagi anggota exco yang tidak menghadiri perbincangan itu telah menyatakan pendirian untuk bersama-sama mereka. Pemuda Umno mempunyai 25 anggota exco.

Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, tidak menghadiri perjumpaan itu yang diadakan bagi mendapatkan pandangan anggota-anggota exco mengenai pemecatan Anwar daripada Kabinet dan parti.

Zahid yang sebelum ini dibidas kerana tidak memanggil segera mesyuarat exco kini telah menetapkan Khamis untuk mengadakan mesyuarat khas exco Pemuda.

Dalam persidangan berita selepas perbincangan hampir empat jam itu, Hishammuddin berkata pertemuan itu diadakan bagi mendapatkan pendirian di kalangan anggota exco berikutan kenyataan-kenyataan yang dibuat pada peringkat akar umbi berhubung isu pemecatan Anwar.

Katanya, mereka akan mengadakan pertemuan dengan para pemimpin Pemuda peringkat negeri di sini malam ini untuk menjelaskan pendirian mereka menyokong keputusan Majlis Tertinggi berhubung pemecatan Anwar daripada parti.

"Sehubungan itu, kami mengutuk sekeras-kerasnya pemimpin Umno khususnya dari kalangan Pemuda yang terlibat secara langsung menyokong secara prinsip mahupun fizikal kepada sebarang usaha Anwar dalam gerakan reformasinya yang jelas menentang parti dan kerajaan," kata Hishammuddin, yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Hishammuddin berkata beliau telah memaklumkan keputusan perbincangan itu kepada Zahid melalui telefon.

Mengenai kedudukan Zahid yang telah didesak Pemuda beberapa negeri supaya berundur kerana dikatakan gagal menyatakan pendiriannya berhubung isu itu, Hishammuddin berkata perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Khamis ini.

Ketika ditanya sama ada pertemuan itu membuat "cadangan" mengenai kedudukan Zahid, beliau berkata: "Yang penting Datuk Zahid telah memanggil untuk mesyuarat khas ... kita buat keputusan untuk tunggu mesyuarat khas".

Ditanya sama ada undi tidak percaya akan dikemukakan terhadap Zahid, beliau berkata soal itu terlalu awal untuk diputuskan.

"Kami memohon seluruh anggota Pemuda akar umbi dan pemimpin Pemuda pelbagai peringkat supaya bertenang dan memberikan kepercayaan kepada Exco Pemuda yang akan bermesyuarat Khamis ini," katanya.

Pergerakan Wanita Umno dalam mesyuarat Exco khususnya hari ini juga sebulat suara mengulangi pendirian menyokong tindakan Perdana Menteri melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Rabu lepas.

Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata mesyuarat khas itu yang dihadiri 20 anggota Exco juga menyokong tindakan Majlis Tertinggi memecat Anwar daripada Umno.

"Sokongan ini diberi kerana kita meletakkan kepentingan dan kestabilan parti dalam apa juga situasi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat selama sejam di sini.

Menurutnya, Wanita Umno akan membantu parti menjelaskan isu itu di

peringkat akar umbi bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan anggota.

Sementara itu, Kelab Senator Malaysia juga mengadakan mesyuarat khas hari ini dan membuat keputusan menyokong penuh tindakan Perdana Menteri melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Presiden kelab, Senator Datuk Rahim Baba berkata mesyuarat itu dihadiri 40 anggota Dewan Negara manakala 23 lagi yang tidak hadir telah menyatakan sokongan mereka melalui surat dan telefon.

Dua lagi anggota dewan dari PAS tidak menyatakan pendirian mereka, katanya.

"Sokongan padu dan berterusan kepada Dr Mahathir dicapai setelah mengambil kira kepentingan masa depan negara yang memerlukan kestabilan politik dan keutuhan ekonomi," katanya pada persidangan berita di sini.

Rahim berkata anggota kelab percaya Perdana Menteri mempunyai alasan-alasan yang amat kukuh untuk membuat keputusan itu.

Menurutnya, anggota-anggota dewan negara dari Umno turut menyokong tindakan Majlis Tertinggi melucutkan keanggotaan Anwar daripada parti.

"Kami meminta masyarakat bertenang dan tidak mudah dihasut dan diadu-domba oleh pihak-pihak yang berkepentingan dan mempunyai agenda politik yang boleh menggugat kestabilan negara," katanya.

-- BERNAMA

AZZ RA NZ NMO